

UCAPAN ALUAN
YBHG. DATO' SRI DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN DAN
PAMERAN INOVASI KEBANGSAAN 2015 (NICE 2015)

PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR (KLCC)
KHAMIS, 21 MEI 2015

Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Dr. Ewon Ebin
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Yang Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Yang Berbahagia Dato' Dr Mohd Azhar Haji Yahaya
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOSTI

Yang Berbahagia Dr. Zulkifli Mohamed Hashim
Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri;

Your Excellencies Ambassadors and High Commissioners;

Ketua-Ketua Agensi dan Pegawai-pegawai Kanan MOSTI;

Tokoh-Tokoh industri;

Yang Berbahagia Datuk / Dato' Seri / Dato' / Datin / Dr.; dan

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam “1Malaysia”

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini, di **Majlis Perasmian Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan 2015** atau ***National Innovation Conference and Exhibition (NICE 2015)***.

2. Bagi pihak Jawatankuasa Penganjur, saya ingin merakamkan **penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi** yang akan menyempurnakan perasmian NICE 2015 sebentar lagi. Saya juga ingin mengucapkan ribuan **terima kasih kepada semua pihak yang terlibat** memberi sokongan kepada penganjuran NICE 2015, termasuklah yang menghadiri Majlis ini, terutamanya para finalis Anugerah Inovasi Negara (AIN) tahun 2015 yang turut serta bersama-sama kita pada pagi ini.

Yang Berbahagia Dato' Seri / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan,

3. MOSTI meneruskan tradisi '*engagement with stakeholders*' melalui acara tahunan yang mana pada tahun ini bertemakan “***Beyond Innovation***” bagi membincangkan inovasi secara lebih meluas, khususnya **impak inovasi itu kepada manusia sejagat dari perspektif dan pengalaman pelbagai pihak termasuk individu, ahli akademik, saintis, penyelidik, institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan, industri, dan NGOs**. Inovasi bukan setakat bermatlamat mengukuhkan aset dan *bottom line* syarikat. Inovasi juga bukan setakat produk yang dicipta apabila saintis berjaya merungkai permasalahan.

4. Sehubungan ini, pengisian NICE 2015 disusun mengandungi lima (5) komponen utama iaitu:

4.1.1 Persidangan dan seminar, termasuk *innovation talks, parallel sessions* dan forum;

4.1.2 Pameran produk finalis Anugerah Inovasi Negara;

4.1.3 Pameran produk R&D yang dikomersilkan di bawah Tahun Pengkomersilan MOSTI atau MCY 2014;

4.1.4 Padanan perniagaan (*business matching*) dan klinik dana; serta

4.1.5 Pengiktirafan kepada perekacipta inovasi melalui Malam Anugerah Inovasi Negara.

5. Untuk makluman, berdasarkan pendaftaran secara on-line, *we have sold out for all three parallel sessions, i.e. industry track, youth/NGO track, social innovation track.*

6. Pada tahun ini, NICE 2015 memperkenalkan pembaharuan dengan mengadakan forum khas bertajuk “**11th Malaysia Plan: STI Way Forward**” bagi mengupas hala tuju dan perspektif STI dalam RMKe-11 yang akan dibentangkan oleh YAB PM pada hari ini. Forum ini diharap dapat mencetus jalinan idea dan kerjasama serta persediaan awal untuk melaksanakan program/projek berkaitan STI yang berimpak tinggi malahan memastikan perspektif STI diambil kira dalam pelaksanaan semua projek RMKe-11.

7. Bagi menterjemah strategi lautan biru peringkat kebangsaan atau ***national blue ocean strategy***, pada tahun ini MOSTI dan Malaysian Innovation and Design Society (MINDS) bersetuju

bekerjasama mempromosi dan menganjurkan ***National Innovation Conference and Exhibition (NICE)*** dan ***International Invention and Innovation Exhibition (ITEX)*** pada tarikh dan lokasi yang sama, justeru menawarkan kepada pengunjung, pameran STI terbesar di Malaysia.

8. Semoga pendekatan seperti ini memanfaatkan semua peserta dan pengunjung dalam membudayakan sains dan inovasi ke arah meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia di samping mendekatkan hasil inovasi dan R&D tempatan kepada syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS), khasnya dan industri, amnya.

9. Akhir kata saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan NICE dan AIN 2015. Tidak ketinggalan para penceramah, panel juri, pempamer, peserta dan tidak dilupakan *Smart Tech Crew*, iaitu kumpulan pegawai-pegawai muda yang menjadi tulang belakang menyelaras penganjuran NICE 2015.

10. Sekian, sama-samalah kita mengarus perdana STI dalam perjalanan menuju status negara maju. Salam Hormat, Salam 1Malaysia dan selamat maju jaya.

Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.